

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN (KPII)
: PEMBANTU KESELAMATAN (KPI7)

Jabatan : Jabatan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan & Penjimatan
Kampus : Bestari Jaya
Status : Lantikan Secara Kontrak (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Jawatan ini adalah diwujudkan bagi melaksanakan tugas pentadbiran serta kawalan keselamatan Universiti Selangor melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis Universiti termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

SYARAT KELAYAKAN :

1. PENGAWAL KESELAMATAN (KPII)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai kelayakan seperti berikut :
 - a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - b. Mempunyai lesen memandu Kelas B2 dan D; dan**
 - c. Calon yang mempunyai sijil **Latihan Certified Security Guard (CSG) dan Sijil Kursus Kawad** akan diberikan keutamaan.
4. Bekas anggota Polis atau Tentera sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik akan diutamakan;
5. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman sebagai Pengawal Keselamatan;
6. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindra seperti yang berikut:
 - tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa tarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
7. Sihat tubuh badan dan tiada obesiti.

2. PEMBANTU KESELAMATAN (KPI7)

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai kelayakan seperti berikut :
 - a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - b. **Mempunyai lesen memandu Kelas B2 dan D; dan**
 - c. Calon yang mempunyai sijil **Latihan Certified Security Guard (CSG) dan Sijil Kursus Kawad** akan diberikan keutamaan.
4. Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan kawalan pentadbiran keselamatan;
5. Mahir menggunakan komputer, menyusun atur jadual, menyusun pergerakan dan aset keselamatan; dan memberi arahan kepada Anggota Keselamatan bawahan; dan
6. Bekas anggota Polis atau Tentera sekurang-kurangnya berpangkat Koperal atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik akan diberi keutamaan.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan, Lesen Memandu (B2 & D) beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
 - i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia
Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya, Selangor

Tel : 03-3280 5068 / 03-3280 5071
- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **3 Mei 2024** .
- e) Lain-lain:
 - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.